



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

PUSAT PEMBERIAN VAKSIN DI UNIVERSITI AWAM DAN HOSPITAL PENGAJAR

Sebagai langkah membantu Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dalam menyediakan akses yang lebih banyak kepada rakyat untuk divaksin, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengenal pasti beberapa buah Universiti Awam (UA) dan Hospital Pengajar Universiti (HPU) yang berpotensi untuk dijadikan Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

Cadangan mewujudkan PPV IPT ini telah dibentangkan dalam Sidang Khas Covid-19 *Immunisation Task Force* (CITF) pada 31 Mei 2021. Model PPV IPT ini menggunakan pakai model PPV di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang akan melibatkan UA, HPU, Pusat Kesihatan Universiti (PKU) serta Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan sebagai tonggak kepada setiap PPV IPT.

Sebanyak **19 buah IPT** telah dikenalpasti untuk dijadikan PPV berdasarkan tinjauan dijalankan oleh satu pasukan petugas khas yang diketuai oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Husaini bin Omar, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi serta dibantu YBhg. Prof. Dato' Dr. Razman Jarmin, Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) UKM dan Prof. Dr. Nazirah binti Hasnan, Pengarah Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

Semua PPV IPT ini berkemampuan memberi **14,400 dos vaksin sehari** atau **432,000 dos vaksin sebulan** kepada orang ramai. Perincian mengenai IPT yang akan dijadikan PPV dan cadangan aktiviti vaksinasi yang terlibat adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Cadangan IPT Sebagai PPV dan Program Vaksinasi

BIL.	PPV IPT	JENIS PPV	VAKSIN/ HARI	BIL. PPV/ JENIS PPV	JUMLAH VAKSIN/ HARI
1.	UPSI	1	200	6	1,200
2.	UTHM				
3.	UTeM				
4.	UMK				
5.	UUM				
6.	UMP				
7.	USIM	2	400	4	1,600
8.	UNIMAP				
9.	UTM				
10.	UIAM Gombak				
11.	USIM	3	600	1	600
12.	SASMEC @IIUM	5	1,000	6	6,000
13.	AMDI @ USM				
14.	UPM				
15.	UniSZA				
16.	UMS				
17.	UNIMAS				
18.	UiTM Shah Alam	Mega	5,000	2	5,000
19.	UiTM Puncak Alam				
JUMLAH BESAR VAKSIN					14,400

KPT komited untuk menggerakkan semua tenaga kerja kesihatan UA dan HPU yang terdiri daripada Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Pensyarah Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat untuk terlibat dalam PPV IPT bagi memastikan sasaran 150,000 dos vaksin sehari akan dapat dicapai menjelang akhir Jun 2021.

DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD

MENTERI PENGAJIAN TINGGI

1 JUN 2021